

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 30 JUN 2015 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Usaha tangkis ancaman siber sentiasa dipertingkat	Bernama.com
2	Govt prepared to deal with cyber attacks	The Sun
3	Meteorological Dept to conduct cloud seeding	New Straits Times
4	Gangguan bekalan air semasa Aidilfitri	Utusan Malaysia
5	Tambahan masa satu saat ekoran putaran bumi perlahan	Kosmo
6	Dunia alami tempoh masa lebih satu saat hari ini	Utusan Malaysia
7	Dunia dapat bonus satu saat	Harian Metro
8	Permintaan terhadap makanan halal semakin meningkat di Kazakhstan	Bernama.com



Usaha Tangkis Ancaman Siber Sentiasa Dipertingkatkan

KUALA LUMPUR, 29 Jun (Bernama) -- Usaha berterusan bagi menangkis pelbagai ancaman dan serangan siber sentiasa dipertingkatkan dengan mengukuhkan kesiapsiagaan Prasarana Maklumat Kritikal Negara (CNII), persidangan Dewan Negara diberitahu Isnin.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, Dasar Keselamatan Siber Negara telah digubal untuk memperkasakan keselamatan infrastruktur CNII yang memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan sosial dan kestabilan negara.

"Persekitaran siber yang selamat akan merancakkan lagi aktiviti perniagaan serta boleh menarik pelaburan ke Malaysia," katanya ketika menjawab soalan Senator Datuk Jamilah Sulaiman.

Jamilah meminta kerajaan menyatakan sejauh mana CNII berupaya menangkis serangan siber bagi melindungi maklumat penting negara.

Katanya, CyberSecurity Malaysia juga sentiasa bekerjasama dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan CNII untuk menangani insiden serangan siber.

"Kerajaan juga telah mengeluarkan Arahan MKN 24 iaitu Mekanisme Pengurusan Krisis Siber Negara bertujuan untuk mengurus krisis siber meliputi peringkat sebelum, semasa dan selepas insiden.

"Ia juga bertujuan mencapai satu pendekatan seragam dan proaktif bagi memantau dan menangani ancaman siber secara berkesan dan menetapkan garis panduan untuk agensi kritikal membuat persiapan daripada pelbagai aspek dalam menghadapi sebarang ancaman dan serangan siber," kata Abu Bakar.

Katanya, Arahan MKN 24 disokong oleh Peraturan Tetap Operasi yang memperincikan setiap proses utama, carta aliran pengendalian insiden dan langkah yang perlu dilaksanakan oleh semua pihak terlibat dalam pengurusan krisis siber negara.

Sementara itu, Abu Bakar memberitahu kementerian menerusi CyberSecurity juga telah membangun dan sedang meningkatkan keupayaan Pusat Penyelidikan Malware yang dikendalikan pakar malware.

Beliau berkata pusat itu mengumpul dan menganalisis pelbagai malware yang masuk ke negara ini agar satu sistem penyelesaian yang efektif dapat dihasilkan untuk menangani isu malware di negara ini.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS) : MUKA SURAT 6
TARIKH: 30 JUN 2015 (SELASA)

Govt prepared to deal with cyber attacks

THE National Cyber Security Policy (NCSP) was regulated to ensure the safety of the nation's Critical National Information Infrastructure (CNII).

Deputy Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah said the amendments would spur the economic growth, social welfare and national stability.

"A secure cyber environment would boost the online business activities, as well as pulling the investors in," he said when answering questions posed by Senator Datuk Jamilah Sulaiman at Dewan Negara here.

Jamilah had urged the government to state CNII's capability to tackle cyber attacks, especially in protecting the nation's important information.

Abu said CyberSecurity Malaysia works

with the National Security Council (MKN) and CNII to be the shield from cyber attacks.

"The government had issued the MKN 24 Order, which is the national cyber crisis management mechanism that aims to manage cyber crisis before, during and after the incident .

"It also aims to achieve a standardised and proactive approach in monitoring and addressing cyber threats effectively and establish guidelines for agencies to be prepared from various aspects of threats, including cyber attacks," Abu said.

Abu added the MKN 24 Order is supported by the standing operational rule which emphasises on every major process, incident control flow charts and measures to be taken by all parties involved in the management of a national cyber crisis.

Meteorological Dept to conduct cloud seeding

BEATING THE HEAT: Dept waiting for National Security Council's cue

DAWN CHAN

KUALA LUMPUR

news@nst.com.my

TO make up for the lack of rain and the dry season, the Meteorological Department will resort to cloud seeding operations for cooler weather.

The department would wait for the cue from the National Security Council, which would put forward requests for cloud seeding operations, said its commercial and corporate services division director, Dr Mohd Hisham Mohd Anip.

The department is, however, uncertain of the number of operations it would carry out as it depends on the condition of the atmosphere and suitability of clouds.

"What we are facing now is the southwest monsoon season and its atmosphere is not suitable due to its stability, and we have to find the right clouds.

"Even if we do it, the success rate will not be high. However, if we are asked by the council to do so, we will proceed," he said yesterday.

With the hot and dry season, haze is expected to make a comeback.

Satellite observations, he said, revealed very small numbers and isolated hotspots of forest fires from neighbouring countries.

"In July and August, we expect an increase in hotspots and we will be hit by haze. It is normal for Malaysia to be affected by the haze due to smoke from forest fires, but we cannot determine if it happens naturally or otherwise due to the dry and hot weather."

"This problem does not only stem from other countries, but also activities of our own. People should refrain from open burning."

Hisham described the weather situation as normal every year, as it occurred from the end of May to early September.

The maximum temperature during this season will be between 33°C and 35°C, slightly higher compared with the normal 32°C.

"It won't be as bad as last year, when the highest temperature recorded was 38°C."

There would be lesser rainfall during this period, about 100mm to 150mm, except for the north of the peninsula and west Sabah.

In **Johor Baru**, the dry spell has taken a toll on many people, especially children.

Aside from having to gradually shield themselves with bags or fanning themselves with notebooks, schoolchildren are doing anything to stay cool.

When the *New Straits Times* observed the end of the school day in the afternoon, many school children either brought along an umbrella or wore headscarves to shield themselves from the scorching sun.

State Health and Environment Committee chairman Datuk Ayub Rahmat has issued an advisory to Johoreans to be wary of their health and keep themselves hydrated during the dry spell.

"If possible, stay indoors. Avoid being outdoors too much as this could cause heatstroke. Drink lots of water, while Muslims who are fasting should drink lots of water during *sahur*," he said.

In **Seremban**, Syarikat Air Negri Sembilan director Wan Rasdi Wan Ismail yesterday said all dams, except the Gemencheh Dam, were at normal levels.

"Although the Gemencheh Dam recorded below critical level, we will be able to supply water from the Sawah Raja water treatment plant to the affected areas, Gemencheh and Rembau district through the newly installed 900mm pipeline.

"Besides, we only extract two million gallons of raw water from the Gemencheh Dam now instead of eight million gallons. This will slowly recover the dam's water level."



**WATER
CRISIS**

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 25
TARIKH : 30 JUN 2015 (SELASA)

Akibat cuaca panas, kering dijangka berterusan sehingga September

Gangguan bekalan air semasa Aidilfitri

Oleh **NURATHIRAH NABILAH MUSA**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 29 JUN

CUACA panas dan kering sejak awal Ramadan dijangka berterusan sehingga September sekali gus akan menyaksikan peningkatan penggunaan air sepanjang tempoh tersebut.

Sehubungan itu, penduduk di Lembah Klang dinasihatkan supaya mula menggunakan air secara berhemat atau berdepan kemungkinan gangguan bekalan air terutama ketika perayaan Aidilfitri pertengahan bulan depan.

Pengurus Besar Jabatan Komunikasi Korporat dan Hal Ekwil Awam

Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas), **Priscilla Alfred** berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan perkara tersebut memandangkan penggunaan air yang tinggi dicatatkan ketika ini.

"Kelazimannya gangguan tersebut meningkat adalah disebabkan faktor musim panas dan ditambah adanya perayaan. Justeru, saya sarankan kepada pengguna untuk sentiasa berjimat-cermat dalam penggunaan air ketika ini.

"Namun pihak Syabas akan bersedia dengan satu pelan tindakan bagi berhadapan situasi ini terutama menjelang Aidilfitri demi kepentingan pengguna. Kita akan buat pengumuman mengenainya



PRISCILLA ALFRED



CHE GAYAH ISMAIL

dalam masa terdekat," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Cuaca panas dan kering khususnya di Lembah Kelang ketika ini telah menyebabkan penggunaan air yang tinggi sekali gus berlaku gangguan bekalan air tidak berjadual melibat-

kan beberapa kawasan di Kuala Lumpur dan daerah Hulu Langat.

Selepas beberapa perumahan di Semenyih, Hulu Langat terjejas, terbaru kawasan perumahan di Balakong, dekat sini turut mengalami gangguan bekalan air sejak seminggu lalu setelah loji rawatan beroperasi melebihi kapasiti kerana permintaan meningkat.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, **Datuk Che Gayah Ismail** berkata, ketika ini negara sedang mengalami musim monsun barat daya yang menyebabkan kadar taburan hujan menjadi lebih rendah.

Katanya, setakat ini cuaca dengan purata suhu persekitaran anta-

ra 33 hingga 34 darjah Celcius dicatatkan dan ia menjadi satu cabaran kepada umat Islam dalam menaikkan ibadah puasa.

"Namun, situasi ini masih normal dan tidak boleh dikategorikan cuaca panas melampau apabila bacaannya masih belum melebihi suhu 36 darjah Celcius seperti yang pernah berlaku sebelum ini termasuk tahun lalu.

"Namun saya ingin nasihatkan masyarakat agar berhemat dalam penggunaan air memandangkan negara sedang mengalami satu tempoh dengan jumlah hujan yang sedikit," jelasnya.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), **S. Piarapakaran**

berkata, situasi ketika ini mengingatkan semua pihak supaya serius untuk meneruskan pembinaan Projek Loji Rawatan Langat 2 (Langat 2) sebagai langkah penyelesaian utama.

"Langat 2 jika dilaksanakan, kita mampu menghasilkan bekalan air bersih terawat dengan kapasiti kira-kira satu bilion liter sehari bagi memenuhi keperluan penduduk yang akan terus bertambah.

"Tambah pula dengan cuaca sekarang, taburan hujan kurang sudah tentu akan memberi kesan kepada bekalan air di setiap empangan yang sedia ada malah tidak mustahil negara akan mengalami proses catuan bekalan dalam tempoh yang panjang di setiap kawasan," katanya.

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 10
TARIKH: 30 JUN 2015 (SELASA)**

Tambahan masa satu saat ekor putaran Bumi perlahan

KUALA LUMPUR – Waktu Piawai Antarabangsa (UTC) akan berganjak satu saat mulai tengah malam ini disebabkan oleh kadar putaran Bumi yang semakin perlahan.

Pegawai Sains Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Kementerian Sains, Inovasi dan Teknologi, Mohd. Zamri Shah Mastor (gambar) berkata, penambahan

masa satu saat itu perlu dilakukan supaya ia selari dengan putaran Bumi yang sebenar.

"Sebuah badan yang ditugaskan memantau kadar putaran Bumi iaitu International Earth Rotation and Reference Systems Service (IERS) telah menetapkan malam ini



sebagai waktu yang perlu ditambah satu saat.

"Maksudnya di sini, seluruh dunia akan ada pukul 12:00:01 tengah malam berbanding sebelum ini kita hanya ada sehingga 12:00:00 tengah malam," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Menurut beliau, pada pukul 12:00:01 tengah malam, Malaysia masih berada pada tarikh 30 Jun dan sebaik waktu masuk pukul 12:00:02 pagi, tarikh di Malaysia berganjak menjadi 1 Julai.

Zamri juga memberitahu, keadaan yang berlaku pada malam ini bukan perkara baru atau luar biasa kerana ia merupakan perkara semula jadi yang

disebabkan faktor putaran Bumi.

"Orang awam tidak perlu cemas dengan kejadian ini kerana IERS melaporkan sejak dari tahun 1972 lagi, perubahan waktu sudah dilakukan sebanyak 25 kali.

"Kali terakhir kita mengalami perubahan waktu adalah pada 1 Julai tahun 2012 atau tiga tahun lalu," jelasnya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 30 JUN 2015 (SELASA)

Dunia alami tempoh masa lebih satu saat hari ini

KUALA LUMPUR 29 Jun - Dunia akan mengalami tempoh masa lebih satu saat berikutan penyeragaman waktu antarabangsa dengan putaran bumi mengelilingi orbit, esok.

Pegawai Sains Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Mohd. Zamri Shah Mastor berkata, waktu antarabangsa (UTC) akan ditambah satu saat bertujuan menyeragamkan masa dengan putaran bumi yang mengalami putaran sedikit perlahan.

"Waktu antarabangsa sudah tidak lagi selari dengan putaran bumi dan ekor dari kejadian ini, pada pukul 12 tengah malam esok, waktu akan ditambah sebanyak satu saat seterusnya melewati hari pada 1 Julai selama sesaat.

"Seluruh dunia akan mengalami fenomena ini yang telah banyak kali terjadi dan sejak tahun 1972 sebanyak 25 kali penambahan satu saat telah dilaksanakan bagi pembetulan ke atas waktu antarabangsa dunia," katanya kepada pemberita selepas selesai program ANGKASATalk bertajuk 'Kupasan Galaksi Nukleus Aktif' di Planetarium Negara di sini hari ini.

Mengikut kalendar Gregorian yang bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember, satu tahun akan mempunyai 365 hari, 8,760 jam, 525,600 minit dan 3,153,600 saat.

Penambahan waktu antarabangsa pada tengah malam 30 Jun akan menjadikan detik waktu 12.59.60 tengah malam berlaku dan tidak seperti kebiasaan, yang hanya akan bergerak ke detik 12.59.59 sebelum kembali ke penetapan semula kepada kosong.

Menurut Mohd. Zamri Shah, penambahan satu saat mungkin tidak terkesan kepada kehidupan seharian orang ramai, namun kepada sistem pengkomputeran, kemungkinan akan mengalami sedikit gangguan berikutan peristiwa itu.

Katanya, sebelum ini pernah berlaku peristiwa penolakan satu saat dan perkara sedemikian berlaku kerana putaran bumi bergerak pantas ekoran gegaran gempa bumi dan pelbagai lagi faktor yang boleh mempengaruhi putarannya.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 30
TARIKH: 30 JUN 2015 (SELASA)

Dunia dapat bonus satu saat

Kuala Lumpur: Hari ini, waktu harian seluruh dunia akan bertambah satu saat berikutan fenomena dikenali sebagai saat lompat.

Pegawai Sains Agensi Angkasa Negara Mohd Zamri Shah Mastor berkata, ini bermaksud waktu keseluruhan pada hari ini akan menjadi 24 jam satu saat.

Beliau menarik perhatian 'bonus satu saat' ini adalah berikutan faktor kadar putaran bumi di atas paksinya yang perlahan.

Kadar putaran bumi antara lain, beliau berkata, dipengaruhi faktor pergerakan kutub, geseran pasang surut air laut, interaksi pusat bumi dengan lapisan tengah bumi dan cuaca.

"Faktor ini boleh menyebabkan putaran bumi sama ada semakin perlahan atau cepat, jadi fenomena saat lompat ini juga bukan sesuatu yang tetap, ia bergantung kepada putaran bumi," katanya.

Mohd Zamri berkata, bonus satu saat itu akan diperoleh di penghujung hari.

Dalam hal ini, beliau berkata, International Earth Rotation and Reference Systems (IERS) yang berpangkalan di Paris dan berfungsi sebagai badan pemantau putaran bumi akan menyeragamkan waktu piawaian dunia (UTC) mengikut kadar putaran bumi yang sebenar.

Setakat ini, menurut Zamri, UTC sudah ditambah satu saat sebanyak 25 kali sejak tahun 1972 dengan kali terakhir pada 1 Julai 2012. - BERNAMA



Permintaan Terhadap Makanan Halal Semakin Meningkat Di Kazakhstan

Oleh Norshazlina Nor'azman

ASTANA (Bernama) -- Industri makanan halal di Kazakhstan menyaksikan pertumbuhan pesat sejak sedekad lalu, didorong oleh kesedaran yang semakin tinggi di kalangan masyarakat Islam tentang betapa pentingnya untuk memakan makanan yang disediakan menurut lunas-lunas Islam.

Ketika restoran dan kafe halal jarang ditemui di ibu negara Kazakhstan, Astana 10 tahun lalu, banyak telah wujud pada tahun-tahun kebelakangan ini.

Sesetengah rangkaian pasar raya mula menjual beberapa jenis daging seperti daging kuda, lembu, kambing dan daging unta, serta pelbagai sosej dan ayam, yang tertera logo halal.

PERMINTAAN MENINGKAT

Pengerusi Kazakhstan Halal Industry Association (AHIK) Marat Sarsenbayev berkata bahawa sejak 10 tahun lalu, permintaan terhadap makanan halal di negara berkenaan telah bertambah selaras dengan peningkatan jumlah rakyat beragama Islam, manakala permintaan terhadap makanan seumpamanya di kalangan bukan Islam turut meningkat dengan ketara.

Beliau berkata persatuan tersebut ditubuhkan pada 2005 berikutan peningkatan permintaan terhadap makanan halal di negara berkenaan.

"Sebelum 2005, aspek halal diabaikan tetapi kini sedang sibuk membangunkan industri makanan halal secara agresif.

"Setiap tahun kami menyaksikan lebih banyak rangkaian makanan halal dibuka...malah, kini 30 peratus daripada daging yang terdapat di pasar adalah halal. Rakyat bukan Islam juga membeli barangan halal di negara ini," katanya.

Bilangan syarikat-syarikat makanan halal di Kazakhstan bertambah mendadak - daripada hanya lapan perniagaan pada 2005, jumlah tersebut melonjak menjadi 587 pada 2012.

Terdapat juga sejumlah 130 buah rumah penyembelihan yang mematuhi standard halal.

"Ini menunjukkan bahawa makanan halal mempunyai potensi, dan kami mahukan masyarakat perniagaan kami untuk menyertainya," beliau memberitahu Bernama dalam satu temu bual.

BEKERJA RAPAT DENGAN MALAYSIA

Sarsenbayev berkata Kazakhstan sudah mengamalkan standards tinggi halal Malaysia dan kini menggunakan logo halal yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

"Kami bekerjasama rapat dengan Malaysia, terutamanya dengan JAKIM, SIRIM Berhad, Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) dan beberapa agensi kerajaan lain. Mereka banyak membantu AHIK dalam membangunkan sistem pensijilan makanan halal.

"Malaysia merupakan negara contoh terbaik di dunia dalam aspek pelaksanaan dan pensijilan standard halal. Kami menggunakan standard Malaysia untuk syarikat-syarikat halal kami manakala logo halal yang digunakan juga sama dengan JAKIM," tambah beliau.

Katanya AHIK juga mendapatkan kelulusan SIRIM untuk melaksanakan standard pensijilan seperti yang dikeluarkan oleh agensi berkenaan, seperti 150:2009, untuk menggalakkan pembangunan industri halal negara.

Bagi mendapatkan pensijilan halal, sebarang produk atau premis di Kazakhstan hendaklah melalui proses audit berkala bagi menjamin standard kebersihan dan syarat-syarat lain dipenuhi.

"Buat masa ini, pusat-pusat penyembelihan ayam dan ternakan lain beroperasi mengikut standard halal sedia ada, tetapi kami bercadang mengadakan pemantauan premis-premis secara atas talian.

"Kami juga mempunyai sebuah makmal dengan teknologi terkini yang boleh menjalankan ujian ekspres bagi mengesan jika sebarang produk dicemari DNA khinzir atau alkohol," kata Sarsenbayev.

PELUANG DALAM INDUSTRI HALAL

Sementara itu, Menteri Luar Kazakhstan Erlan Idrissov mempelawa usahawan-usahawan Malaysia supaya merebut peluang yang ada di negaranya dalam industri halal memandangkan ia amat berpotensi.

"Kami memerlukan pakar-pakar halal untuk sektor pertanian, memandangkan terdapat banyak permintaan terhadap pelbagai produk halal," katanya.

Duta Malaysia ke Kazakhstan Datuk Hidayat Abdul Hamid turut menggalakkan usahawan-usahawan Malaysia meneroka peluang-peluang perniagaan yang terdapat di Kazakhstan, terutamanya pasaran halal.

Para usahawan sepatutnya merebut peluang perniagaan francais dengan memperkenalkan jenama Malaysia kepada Kazakhstan, katanya.

"Malaysia telah banyak kali berbincang dengan Kazakhstan mengenai bantuan untuk memulakan sektor makanan halal mereka kerana ia berpotensi, berikutan peningkatan kesedaran di kalangan umum.

"Malaysia juga mempunyai banyak syarikat francais berkualiti, terutamanya dalam sektor pemakanan yang boleh menembusi pasaran Kazakhstan, memandangkan tidak banyak francais dari Asia terdapat di sana," tambahnya.